

26 SEP 1999

Mahathir-tiba

PM TIBA DI NEW YORK UNTUK BERUCAP DI BANGSA-BANGSA BERSATU

NEW YORK, 26 Sept (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tiba di New York pada hari Ahad untuk lawatan empat hari di mana beliau akan berucap di Perhimpunan Agung Bangsa-bangsa Bersatu Sesi ke-54, Rabu ini.

Ketibaan Perdana Menteri disambut oleh Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar dan para diplomat Malaysia di Lapangan Terbang Newark, New Jersey.

Esok (Isnin), selepas diberi taklimat oleh Wakil Tetap Malaysia di PBB Datuk Hasmy Agam mengenai isu-isu berhubung PBB, beliau akan menemui para pemimpin industri pelancongan Amerika Syarikat pada sebelah pagi dan kemudian berucap kepada masyarakat korporat Asia di sini.

Perdana Menteri akan bercakap mengenai "Pengajaran Daripada Krisis Kewangan Asia: Pengalaman Malaysia."

Pada hari Selasa, Dr Mahathir akan menyampaikan ucapatama mengenai "Malaysia dan Amerika Syarikat di Alaf Baru -- Cabaran dan Peluang, di Majlis Perniagaan Malaysia-Amerika Syarikat.

Beliau kemudian akan bertemu masyarakat Malaysia di pejabat Perwakilan Tetap Malaysia. Di PBB Rabu ini, Dr Mahathir akan mengunjungi Setiausaha Agung PBB Kofi Annan dan Presiden Sesi UNGA ke-54 Theo-Ben Gurirab sebelum berucap di perhimpunan itu.

Perdana Menteri menjadi penyampai ucapan kedua hari itu selepas Perdana Menteri Samoa.

Dr Mahathir akan mengakhiri lawatan ke Amerika Syarikat pada hari Rabu dengan lawatan ke Makmal Lucent Bell di New Jersey.

Beliau akan meninggalkan New Jersey untuk ke London sebelum singgah ke Zimbabwe untuk menghadiri Dialog Antarabangsa Afrika Selatan ke-3 di Victoria Falls pada 2-6 Okt.

-- BERNAMA

AHH zb